

## Kerjasama ke arah profesionalisme Teknologis dan Juruteknik

Oleh Saadiah Ismail - Julai 6, 2022 @ 9:38pm  
saadiah.ismail@bh.com.my



Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Pelatih Tahap 3, 4 dan 5 program Pensijilan Kemahiran Malaysia berpeluang menikmati fasilitasi pembiayaan bagi pendaftaran sebagai Juruteknik Berkelayakan dan Juruteknik Bertauliah.

Ini susulan daripada kerjasama strategik antara Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) bersama Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Melalui kerjasama itu, PTPK selaku badan yang menguruskan dana pinjaman latihan kemahiran akan membantu pelatih untuk mendaftar secara terus serta mendapat pengiktirafan MBOT.

MBOT dalam satu kenyataan berkata, inisiatif itu dijangka melengkapkan keseluruhan rantai yang bermula daripada latihan kemahiran di Institut Latihan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) sehingga ke pengiktirafan profesional.

"Justeru PTPK dan MBOT menggesa pelatih untuk mengambil peluang ini kerana profesion Teknologis dan Juruteknik setaraf dengan profesional yang lain seperti yang dijamin dalam Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768)," menurut kenyataan itu.

Terdahulu Memorandum Persefahaman (MOU) ditandatangani antara MBOT dan PTPK yang disaksikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim.

MBOT berkata, kerjasama ini adalah satu inisiatif strategik antara dua badan utama dalam ekosistem TVET negara yang masing-masing mempunyai peranan penting.

"Sebagai sebuah badan profesional, MBOT sentiasa proaktif untuk memartabatkan bakat-bakat ini melalui pengiktirafan profesional Teknologis dan Juruteknik.

"Manakala PTPK berperanan untuk menyediakan fasilitasi kewangan bagi pengembangan bakat-bakat TVET negara," menurut kenyataan itu.